

July 2016



UNIVERSITI
TEKNOLOGI MARA
SARAWAK

72nd
ISSUE

info kampus



**SOARING
UPWARDS**
MALAYSIAN HIGHER EDUCATION

ISSN 2232-1578



9 772232 157005

AKTIVITI KESUKARELAWAN PELAJAR KOKURIKULUM DI MASJID KAMPUNG SINDANG, SAMARAHAN (20 Februari 2016)


Oleh: Rasli Baki

Pada 20 Februari 2016 yang lepas, Unit Kokurikulum UiTM Sarawak bersama dengan pelajar-pelajar Kokurikulum Teras Kerohanian ini telah mengadakan Program Kesukarelawan di Masjid Darul Ikhlas, Kampung Sindang di Kota Samarahan.

Aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan melibatkan kerja-kerja membersihkan, menyapu dan menyusun semula perabot dan peralatan di masjid berkenaan. Pada asalnya aktiviti sukarela ini melibatkan kerja mengecat pagar luar masjid berkenaan, namun disebabkan cuaca tidak mengizinkan kerja mengecat ditangguhkan dan diubah mengecat bahagian dalaman masjid.

Pengerusi Masjid Darul Ikhlas, Hj. Mohd Fathi merakamkan penghargaan kepada para pelajar kokurikulum UiTM Sarawak yang menjalankan kerja sukarela di masjid tersebut dan berharap semoga program ini dapat dilaksanakan sekerap mungkin oleh pihak UiTM.

Sekumpulan pelajar ini diiringi oleh En. Rasli Baki, Ketua Unit Kokurikulum, En. Abd Faez Izdihar Abd Jaffar, Penolong Pegawai Kokurikulum, En. Musli Jaraie, Us. Ahmad Termizi Keram dan Us. Azwan Anuara dengan harapan agar dapat memupuk nilai bakti dan bertanggungjawab terhadap masyarakat dalam diri pelajar di samping menjadikan program ini sebagai tambahan ilmu kepada pelajar-pelajar itu sendiri.



AKTIVITI KESUKARELAWAN PELAJAR KOKURIKULUM DI MASJID KAMPUNG SINDANG, SAMARAHAN (24 April 2016)

Oleh: Rasli Baki

Lanjutan daripada aktiviti kesukarelawan Unit Kokurikulum UiTM Sarawak di Kampung Sindang Samarahan pada Februari 2016, sekali lagi aktiviti Program Kesukarelawan diadakan di Masjid Darul Ikhlas di Kampung Sindang di Kota Samarahan pada 24 April 2016.

Pelajar-pelajar Kokurikulum yang terlibat kali ini ialah terdiri daripada pelajar-pelajar dari Teras Pengucapan Awam. Seawal 8.30 pagi, pelajar-pelajar telah memulakan kerja-kerja sukarela selepas sarapan pagi dan berakhir jam 4 Petang.

Program ini dijalankan bagi meneruskan kerja-kerja sukarela yang tertangguh di masjid berkenaan disebabkan cuaca yang tidak mengizinkan pada Februari lepas. Aktiviti sukarela kali ini tertumpu kepada kerja mengecat pagar dan tiang masjid berkenaan.

Pengerusi Masjid Darul Ikhlas, Hj. Mohd Fathi sekali lagi merakamkan penghargaan kepada para pelajar kokurikulum UiTM Sarawak yang telah menjalankan kerja-kerja sukarela ini dengan jayanya walaupun dalam keadaan cuaca yang panas membara.

En. Rasli Baki, selaku Ketua Unit Kokurikulum, sekali lagi turut serta di dalam aktiviti sukarela ini bersama-sama dengan staf Unit Kokurikulum En. Abd Faez Izdihar dan En. Muslih Jeraie.





Corporate Communications & International Relations

Universiti Teknologi MARA Sarawak
Jalan Meranek, 94300 Kota Samarahan,
Peti Surat 1258, 93312 Kuching,
Sarawak, Malaysia

Tel: 082 - 677 200 | Fax: 082 - 677 300
E-mail: corporate@sarawak.uitm.edu.my
www.sarawak.uitm.edu.my